



PANDUAN PENASIHATAN AKADEMIK SESI 2016/2017

Ringkasan Pelaksanaan Skema EEx, UKOM dan Kurikulum Semakan Mengikut Sesi Kemasukan Pelajar



Keperluan Kursus Pelajar Tempatan dan Pelajar Antarabangsa Program Baccelor



MAKLUMAT LANJUT

- 01 Layari www.fsktm.upm.edu.my
- 02 Klik Akademik
- 03 Klik Pra Siswazah

RUJUKAN

- KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PERKARA AKADEMIK PRASISWAZAH) 2014
<http://www.akademik.upm.edu.my/ebook/akd>
- BUKU PANDUAN PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH
http://www.akademik.upm.edu.my/dok/umen/BGAKA1_FSKTM.pdf



www.fsktm.upm.edu.my

TANGGUNGJAWAB PENASIHAT AKADEMIK

Penasihat akademik hendaklah prihatin dan arif tentang kurikulum fakulti dan hendaklah:

- memantau kemajuan prestasi pelajar secara dalam talian dan menasihati pelajar itu dengan sewajarnya;
- menasihati pelajar berkaitan dengan pendaftaran kursus pengajian dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dan jika perlu, membuat perakuan mengenai pendaftaran kursus pengajian, sebelum pelajar tersebut membuat pendaftaran kursus pengajian melalui Sistem Maklumat Pelajar;
- membantu pelajar memahami kurikulum, sistem pengajian, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan, prasyarat kursus dan pengecualian kursus pengajian;
- memberikan nasihat untuk mengatasi masalah akademik pelajar;
- membantu pelajar menyelesaikan masalah selain akademik, dan jika perlu merujuk masalah itu pada pihak yang berkaitan;
- menyelia projek berkumpulan (pembangunan dan pengembangan);
- merancang, mengadakan dan memantau aktiviti yang melibatkan semua pelajar di bawah penasihatannya;
- menasihati pelajar supaya mendaftar kursus berpandukan kurikulum Program Pengajian yang diikuti oleh pelajar itu.

TANGGUNGJAWAB PELAJAR BERJUMPA PENASIHAT AKADEMIK

Setiap pelajar diwajibkan berjumpa dengan penasihat akademiknya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Fakulti, sekurang-kurangnya **dua kali** dalam setiap semester.

ENGLISH LANGUAGE EXPERIENCE (ELEX)

Mulai sesi kemasukkan 2013/2014 pelajar diwajibkan mengikuti Skema English Language Experience (ELEX). Kegagalan untuk memenuhi keperluan ELEX menyebabkan pelajar tidak boleh bergraduat.

MUET Band	TOEFL/ IELTS Score	CIEP Level	Graduation Requirements for 4-year programmes
1 & 2		107	3 BBI + 3 CEL + 24 LAX points
3 & 4	TOEFL 500 - 599 IELTS 5.5 - 6.5	108 - 109	2 BBI + 2 CEL + 36 LAX points
5 & 6	TOEFL 600 - 677 IELTS 7.0 - 9.0	-	3 CEL + 36 LAX points

UJIAN KOMUNIKASI DALAM BAHASA MELAYU (UPM-UKOM)

Pelajar mulai sesi kemasukkan 2014/2015 diwajibkan mengambil UPM-UKOM dan mendapat tahap 4 untuk bergraduat.

Pelajar yang wajib mengambil UPM-UKOM ialah pelajar tempatan yang tidak memperoleh sekurang-kurangnya gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu diperingkat SPM atau sekurang-kurangnya Gred C+ dalam mata pelajaran Bahasa Melayu diperingkat STPM.

Pelajar antarabangsa tidak wajib mengambil UPM-UKOM.

PELAJAR ANTARABANGSA

Pelajar antarabangsa diwajibkan mengambil kursus Kenegaraan Malaysia (SKP2101) manakala kursus TITAS (SKP2203) dan Hubungan Etnik (SKP2204) boleh ambil atau diganti dengan mana-mana kursus yang sama jam kredit atau lebih.

Pelajar antarabangsa wajib mengambil kursus Bahasa Melayu Asas 1 (BBM1401) dengan mendapat sekurang-kurangnya gred B mulai sesi 2013/2014.

PELAJAR TUKAR PROGRAM PADA SESI 2016/2017

Mulai sesi 2015/2016 FSKTM mempunyai 4 program bachelour sebelum ini fakulti dianggap mempunyai 1 program dengan 4 major.

Bagi kes pelajar yang ingin bertukar program pada Sesi 2016/2017, pelajar tersebut wajib mengikuti kurikulum baharu Sesi 2016/2017.

Permohonan tukar program boleh dibuat secara online mengikut tarikh seperti dalam kalendar akademik iaitu dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

Selepas permohonan tukar program diluluskan oleh Dekan pelajar dikehendaki membuat permohonan pengecualian kursus bagi kursus yang telah diambil untuk dibawa ke program baru.

PENDAFTARAN KURSUS

Pelajar dikehendaki mendaftar kursus sekurang-kurangnya 12 jam kredit dan tidak melebihi 20 jam kredit. Sekiranya pelajar ingin mendaftar lebih daripada 20 jam kredit pelajar perlu mengisi borang dalam SMP dan Borang Pendaftaran Kursus yang boleh didapati di kaunter Pejabat Am, FSKTM untuk mendapat kebenaran daripada PA, KJ dan Dekan.

MASALAH PENDAFTARAN KURSUS

Pelajar yang tidak mengikut skema program menyebabkan terdapat kursus yang tidak ditawarkan pada semester tertentu dan menyebabkan pelajar perlu menambah semester termasuk skema ELEX.

Kredit untuk bergraduat bukan hanya memenuhi 123 kredit tetapi berdasarkan keperluan melengkapkan struktur kurikulum. Antaranya seperti keperluan kursus universiti, kursus teras, kursus elektif, 2 kursus kokurikulum, Skema ELEX (mulai sesi 2013/2014), UKOM Tahap 4 (mulai sesi 2014/2015) dan Bahasa Melayu Asas 1 (pelajar antarabangsa mulai sesi 2013/2014 gred B).